

Melonjakkan prestij UMS

UB 29.8.2017 B2

Oleh JAINUDIN NASIR

► 35 sertai simposium pengukuran objektif

SIMPOSIUM Pengukuran Objektif Lingkaran Pasifik (PROMS) yang diadakan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dapat meningkatkan lagi prestij UMS di mata antarabangsa.

Program selama lima hari yang dikendalikan bersama oleh Prof Vincent Pang (UMS) dan Prof Madya Naznda Abdullah (MyReasch Malaysia) itu dipimpin oleh Pengerusi PROMS Prof Robert F Cavanagh.

Seramai 35 orang yang menyertainya telah menyaksikan pembentangan 68 kertas kerja dalam pelbagai bidang termasuklah perniagaan, pendidikan, kesihatan dan psikologi oleh para pembentang dari 13 negara iaitu Indonesia, Australia, Amerika



PROF MARGARETH

Syarikat, Portugal, Thailand, Filipina, Macau, Taiwan, Hong Kong, China, Jepun dan Malaysia.

Pada akhir simposium, satu bengkel ringkas tentang penerbitan artikel telah diadakan untuk me-



DR LING

mastikan setiap pembentang mengetahui apa yang dilakukan selepas diterima untuk diterbitkan.

Mentor dari Lembaga PROMS akan ditugaskan untuk membantu mereka yang terpilih bagi memperbaiki artikel mereka.

Cavanagh ketika ditemui menyifatkan program itu sebagai satu-satunya ruang dan peluang yang memberi bimbingan kepada pembentang selepas persidangan.

Beliau turut berterima kasih kepada UMS kerana telah menyediakan tempat yang indah dan selesa untuk simposium akademik itu.

"Ini adalah hasil dedikasi dan kerja keras seluruh ahli jawatankuasa terutama Dr Liang Mei Teng dan pelajar sukarela di bawah pimpinan

CAVANAGH menyampaikan ceramah 'Invariant Measurement and Metrological in Modern Measurement'.



AHLI Jawatankuasa PROMS Sabah 2017.

Dr Connie Ompok yang menjadikan PROMS tahun ini satu acara yang pasti tidak akan dilupakan semua orang.

"Setinggi penghargaan juga kepada Prof Jackson Stenner dari Meta-metrics yang telah menaja perbelanjaan PROMS 2017. Kami berharap program seperti ini dapat meningkatkan kemajuan penggunaan Rasch sebagai model pengukuran dalam masa terdekat," katanya.

PROMS adalah simposium profesional tahunan yang bertujuan menggalakkan pengukuran objektif di sekitar Lingkaran Pasifik dengan menyumbang kepada penyelidikan dan pembangunan dalam pengukuran Rasch.

Analisis Rasch adalah pendekatan unik pemodelan matematik yang kelak berupaya meletakkan kesukaran item dan keupayaan orang dalam satu skala yang sama.

Ia menjadikan pengukuran lebih objektif, manakala Model Rasch pula selalu



PARA peserta PROMS Sabah 2017 merakamkan gambar kenangan.

digunakan untuk membahaskan ciri-ciri kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen.

Ia boleh digunakan untuk membina instrumen yang mempunyai kesahan dan

kebolehpercayaan tinggi dalam pengukuran keupayaan atau sikap dalam pelbagai disiplin seperti kesihatan, pendidikan, psikologi, sains sosial dan ekonomi.

Pada 2015, program

PROMS pertama kalinya diadakan Fukuoda Jepun, sementara 2016 telah berlangsung di Xi'an China dan tahun ini telah memilih Malaysia, di mana UMS sebagai tuan rumah.



PERSEMBAHAN deklamasi sajak dan koir oleh pelajar Program HT19 di bawah pimpinan Jaini Sapirai dan Dr Connie Ompok.



SEBAHAGIAN ahli sukarelawan UMS.